



بجلیس دائره ڱریک

MAJLIS DAERAH GERIK

Jalan Haji Meor Yahaya, 33300 Gerik, Perak
Tel : 05-7912305, 05-7911686 Faks : 05-7912288 E-mel : mdg@gerik.gov.my
Portal rasmi : www.gerik.gov.my

Ruj. Kami : Bil.(19)dIm.M.D.Gk.(B)/PJ/01/2001.Pt.4
Tarikh : 23 Disember 2024

CJC Land Sdn Bhd
87, Jalan Sultan Yussuf
30000 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

Tuan,

PEMOTONGAN JALAN BAGI PEMASANGAN KABEL DI JALAN BUNGA RAYA, TAMAN GERIK, GERIK, PERAK DARUL RIDZUAN

- Permit Untuk Menjalankan Kerja

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas. Sukacitanya dimaklumkan bahawa permohonan tuan telah diluluskan pada **23 Disember 2024**.

2. Oleh itu, pemotongan jalan mestilah tidak lebih daripada keluasan yang telah ditetapkan di bawah ini :-

**A] Kerja Pengorekan Di Kawasan Berturap (Carriageway) / (paved
footpath) :-**

i. 39 m² x 100.00 : RM3,900.00

B] Wang Cagaran : RM2,000.00

3. Pihak tuan dikehendaki untuk membuat penjelasan bayaran permit terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembaikan dijalankan. Oleh yang demikian, sekiranya pembayaran permit tidak dijelaskan seperti yang ditetapkan oleh pihak Majlis Daerah Gerik, pihak tuan dianggap tidak mematuhi syarat yang dinyatakan sebelum mula kerja dan pihak majlis akan mengeluarkan denda kompaun terhadap pihak tuan.

4. Sehubungan itu, pihak tuan dikehendaki mengemukakan bayaran permit melalui Bank Draft / Wang Pos atau secara tunai atas nama Yang Dipertua Majlis Daerah Gerik bernilai seperti di atas.

5. Pihak tuan dikehendaki untuk menyiapkan kerja-kerja tersebut dalam tempoh **1 bulan** iaitu bermula **30 Disember 2024 sehingga 29 Januari 2025**. Pihak tuan juga diingatkan untuk memaklumkan terlebih dahulu kepada pihak Majlis Daerah Gerik sekiranya hendak memulakan kerja pemotongan jalan dan juga ketika kerja-kerja tersebut siap dilaksanakan supaya pihak Majlis Daerah Gerik dapat memantau kerja-kerja tersebut dilakukan.

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Ruj. Kami : Bil.(19)d/m.M.D.Gk.(B)/PJ/01/2001.Pt.4

6. Pihak pemohon hendaklah memanggil pihak Majlis untuk pemeriksaan di tapak bagi kerja-kerja mampatan lapisan 'sub-base' dan lapisan 'crusher run' sebelum kerja penurapan semula dilaksanakan.

7. Adalah diingatkan bahawa wang pertaruhan pematangan jalan sebanyak **RM2,000.00** akan hilang jika mana-mana syarat seperti di **Lampiran 'A'** tidak dipatuhi.

8. Kerjasama pihak tuan dalam mematuhi semua syarat-syarat kelulusan di atas amat diharapkan dan dihargai.

Sekian, terima kasih

“ MALAYSIA MADANI “

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(AHMAD FAZRIL BIN RAMLI)

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Gerik

s.k.- Unit Penguatkuasa,
Majlis Daerah Gerik.

“PERAK SEJAHTERA 2030”



LAMPIRAN 'A'

**SYARAT-SYARAT DAN PERINCIAN KERJA-KERJA
PENGOREKAN JALAN OLEH SYARIKAT-SYARIKAT UTILITI
DI KAWASAN MAJLIS DAERAH GERIK**

- 1.1 Keluasan pemotongan jalan mestilah tidak lebih daripada keluasan yang telah ditetapkan iaitu mengikut keluasan yang telah disukat di tapak dan disahkan oleh pihak Majlis.
- 1.2 Pemotongan jalan mestilah menggunakan 'road cutter' bagi pemotongan yang tidak luas bagi mengelakkan struktur jalan rosak.
- 1.3 Penimbusan semula jalan mestilah mengikut struktur jalan biasa dengan ketebalan 50 mm lapisan pasir, 300 mm 'crusher' run' dan 100 mm premix (2 lapisan) serta hendaklah dimampatkan sekurang-kurangnya dengan 'hand compactor'.
- 1.4 Pihak pemohon hendaklah memanggil pihak Majlis untuk pemeriksaan di tapak bagi kerja-kerja mampatan lapisan 'sub-base' dan lapisan 'crusher run' sebelum kerja penurapan semula dilaksanakan.
- 1.5 Menjelaskan bayaran-bayaran kerana pemotongan jalan dan wang pertaruhan kepada Majlis sebelum memulakan kerja. Wang pertaruhan akan hilang jika mana-mana syarat tidak dipatuhi.
- 1.6 Semua 'road crossing' hendaklah bersudut tepat dengan jalan.
- 1.7
 - a) Semua tanah-tanah yang dikorek sekiranya diterima sebagai bahan penambah hendaklah dilonggok dengan baik di tepi bahu jalan. Sekiranya tanah-tanah tersebut tidak dapat dilonggok di tepi jalan, ianya hendaklah dibuang dari kawasan kerja di tempat yang sesuai selepas sahaja kerja-kerja mengorek dijalankan. Tanah-tanah tersebut tidak dibenarkan dilonggok di atas turapan jalan. Bahan korekan yang tidak sesuai hendaklah dibuang dari kawasan kerja dengan serta-merta selepas kerja-kerja pengorekan dijalankan.
 - b) Semua 'back-filling' adalah dari bahan yang diluluskan dan dipadatkan secara lapisan dengan setiap lapisan 225 mm tebal. Sekiranya ia menyeberangi jalan, ia hendaklah ditutup dengan batu bersaiz 200 mm yang mencukupi untuk membenarkan laluan perjalanan lalulintas buat sementara waktu sehingga jalan diperbaiki sepenuhnya.
 - c) Jalan-jalan yang dikorek atau dipotong hendaklah dibaikpulih semula seperti asal dan diturapkan dengan premix mengikut penentuan pihak Majlis dengan ketebalan 450 mm. Kerja-kerja membaikpulih jalan hendaklah disempurnakan dalam masa 7 hari selepas kerja pengorekan dilakukan.

- 1.8 Papan-papan tanda dan lain-lain kawalan lalulintas hendaklah diadakan, lampu isyarat amaran kelip-kelip (flashing warning lamp) yang mengikut piawaian JKR, dipasang kepada lalulintas terutamanya pada waktu malam.
- 1.9 Semua kerosakan kepada harta-harta kerajaan dan lain-lain yang disebabkan oleh apa jua pekerjaan tuan adalah menjadi tanggungjawab pihak tuan sepenuhnya.
- 1.10 Pihak tuan juga adalah dikehendaki mengemukakan notis 4 hari sebelum kerja-kerja dimulakan kepada pihak Majlis dan notis tamat kerja.
- 1.11 Pihak tuan mestilah mematuhi lain-lain arahan dari pihak Majlis dari masa ke semasa.